

Kepelbagaian budaya, etnik kekuatan utama Malaysia

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kepelbagaian budaya dan etnik di negara ini adalah kekuatan utama Malaysia dan bukan sesuatu yang harus ditolak atau dibimbangi.

Perdana Menteri berkata, kehebatan negara ini terletak pada penerimaan dan penghormatan terhadap warisan pelbagai kaum yang membentuk identiti nasional.

“Kehebatan kita adalah kerana kesediaan kita menerima warisan negara kita, pelbagai suku kaum, pelbagai daerah, semuanya ada kekuatan masing-masing dan semuanya memaparkan keindahan, kecantikan, kehebatan luar biasa.

“Budaya ini dikembangkan dengan merangkul budaya suku kaum yang lain, termasuk budaya Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Murut, Melanau, Bajau, semuanya itu kemudian kita rangkul sebagai budaya kita, anak Malaysia.

“Inilah yang akan menjayakan, menjamin keamanan dan kelangsungan kita dan kalau kita mula mengasingkan, perlu menolak, itu mulanya bibit perpecahan dalam kalangan kita,” katanya ketika berucap merasmikan Festival Budaya Malaysia 2025 ‘Wow Malaysia’ di



Anwar, King Sing, Dr Zaliha dan Shamsul Azri (kanan) bersama peserta persembahan sempena Majlis Perasmian Festival Budaya Malaysia 2025 di Taman Tasik Titivangsa, Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto BERNAMA)
(Foto BERNAMA)

Taman Tasik Titivangsa, di sini malam kelmarin.

Turut hadir, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Zaliha Mustafa serta Ketua

Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Perdana Menteri berkata, beliau menekankan perkara itu, agar rakyat tidak terpengaruh dan menjadi kelompok kecil yang tidak bersedia menerima kepelbagaian yang menjadi nadi

Malaysia sejak dahulu.

“Kita tunjukkan kesediaan kita untuk bukan sekadar kenal tapi menghormati, mengimarahkan, menghebatkan, memperkenalkan dan menunjukkan kita terkesan dengan kehebatan budaya masing-masing.

“Ini saya nak tekankan kekuatan Malaysia, berbeza daripada pandangan kelompok kecil yang anggap hanya satu pandangan mereka yang baik dan tidak bersedia menerima kepelbagaian,” katanya.

Berkongsi pengalamannya, Anwar berkata, pemimpin luar juga menzahirkan rasa kagum dengan kepelbagaian dan keharmonian rakyat Malaysia yang ditonjolkan dalam setiap persembahan budaya bagi menyambut kehadiran mereka ke Malaysia.

Dalam aspek bahasa pula, Anwar turut menegaskan bahasa Melayu tetap menjadi bahasa rasmi dan pengikat rakyat, naraun hak semua kaum untuk menguasai bahasa ibunda masing-masing harus dihormati.

Festival Budaya Malaysia 2025 menampilkan lebih 68 aktiviti budaya merentasi enam zon utama yang mempamerkan gabungan persembahan tradisional dan inovasi moden.

Festival itu dianjurkan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara; Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam; Jabatan Wilayah Persekutuan serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). BERNAMA